

**REKA BENTUK LOGO SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
BANDARAYA KOTA KINABALU: ANALISIS IKONOGRAFI**
ERWIN PANOFSKY
**THE LOGO DESIGN OF SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
BANDARAYA KOTA KINABALU: ERWIN PANOFSKY**
ICONOGRAPHY ANALYSIS

Andy Sumbing¹
Humin Jusilin²

Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah^{1&2}
andynd993@gmail.com, zumin@ums.edu.my

Tarikh dihantar: 12 Julai 2019 / Tarikh diterima: 7 September 2019

ABSTRAK

Logo adalah tanda grafik yang berfungsi sebagai identiti sesebuah syarikat perniagaan, pertubuhan, kelab, persatuan, organisasi atau kumpulan melalui aplikasi dan olahan elemen grafik. Elemen grafik sesebuah logo terdiri daripada gambar, warna, tipografi, komposisi dan paparan reka bentuk. Kajian ini bertujuan menganalisis reka bentuk logo dalam bidang seni visual, khususnya logo institusi pendidikan di Kota Kinabalu, Sabah. Kajian ini membataskan sampel khusus dengan memilih logo Sekolah Menengah Kebangsaan Bandaraya Kota Kinabalu sebagai mewakili institusi lain di Kota Kinabalu. Kaedah kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan teori ikonografi yang diketengahkan oleh Panofsky (1972). Teori ini berasaskan tiga tahap analisis, iaitu peringkat deskripsi imej, analisis elemen formal dalam logo dan peringkat ikonografi yang menyatakan perkaitan makna atau mesej dalam logo. Faktor-faktor pemboleh ubah dalam kajian ini adalah bersandarkan imej, ikon, simbol, warna dan tipografi pada logo institusi pendidikan untuk mengenal pasti keberkesanan mesej. Kajian ini berusaha menjelaskan maksud yang terkandung dalam logo institusi untuk menjelaskan makna dan identiti institusi pendidikan tersebut. Kajian ini mendapati identiti sesebuah organisasi merupakan cerminan daripada visi dan misi yang divisualkan dalam bentuk logo dan mampu menyampaikan mesej atau maklumat. Justeru, reka bentuk sesebuah logo mampu memberikan sumbangan kepada institusi pendidikan untuk menjelaskan misi dan visi sebagai impak positif terhadap penyampaian moto atau mesej sesebuah organisasi.

Kata kunci: Logo, reka bentuk, tipografi, ikonografi, institusi.

ABSTRACT

The logo is a graphical sign that serves as the identity of a business, organization, association, club or group through application and graphic elements processed. The graphic element of a logo consists of images, colours, typography, composition and design display. This study analyzes the logo design in visual arts, especially the educational institution logo in Kota Kinabalu, Sabah. This study limits the specific sample by selecting the logo of Sekolah Menengah Kebangsaan Bandaraya, Kota Kinabalu as representing other institutions in Kota Kinabalu. The method of this study applies qualitative methods using the approach of iconography theory highlighted by Panofsky (1972). This theory is based on three levels of analysis, the image description stage, the formal elemental analysis in the logo and the iconography level stating the relevance of the meaning or message in the logo. The variable factors in this study are based on images, icons, symbols, colours and typography of the educational institution logo to identify the effectiveness of the message. The study attempted to explain the meaning contained in the institute's logo to explain the meaning and identity of the educational institution. This study found that the identity of an organization is a reflection of visions and missions that are visualized in the form of logos and capable of delivering messages or information. Hence, the design of a logo can contribute to educational institutions to clarify the mission and vision as a positive impact on the delivery of the motto or message of an organization.

Keywords: Logo, design, typography, iconography, institution.

PENGENALAN

Reka bentuk grafik adalah salah satu cabang seni yang paling popular pada masa kini. Perkataan grafik berasal daripada perkataan Greek iaitu ‘*Graphikos*’ yang bermaksud lukisan. Grafik ialah bahan yang dilukis untuk memvisualkan sesuatu perkara. Menurut Philip B. Meggs (2014), penghasilan grafik telah wujud sejak zaman kuno, namun ia benar-benar menonjol dengan adanya mesin cetak. Penciptaan mesin cetak telah bermula di China sejak awal abad ke-8, sekitar tahun 1440. Johann Gutenberg telah mencetuskan revolusi dalam sistem percetakan. Reka bentuk grafik tergolong dalam seni tampak di mana garisan, tanda dan huruf dirakam atau diguriskan pada permukaan bahan yang rata seperti kertas yang lazimnya disediakan untuk bahan cetakan. Reka bentuk grafik juga banyak dikaitkan dengan litografi, tipografi dan pelbagai jenis cetakan yang lain.

Perkembangan reka bentuk grafik berlaku seiring dengan pertambahan aktiviti manusia dalam bidang-bidang seperti pendidikan, kesusastraan, kesenian, sains dan perindustrian (Quentin Newark, 2002). Kemajuan dalam kehidupan

manusia telah menjadikan reka bentuk grafik sebagai media komunikasi yang amat berkesan. Penggunaan grafik dalam perkara tersebut juga dapat menarik perhatian audiens tanpa bosan.

Reka bentuk grafik adalah antara elemen penting dalam proses penyampaian maklumat. Selain itu, reka bentuk grafik yang baik juga dapat menimbulkan unsur estetik. Menurut Richard Hollis (2002), reka bentuk grafik berfungsi sebagai satu informasi dan penunjuk arah, sebagai contoh tanda arah, peta dan gambar rajah. Menurutnya lagi, grafik adalah pengenalan untuk menerangkan sesuatu atau memberitahu akan asal sesuatu informasi seperti papan tanda, *banner*, pengiklanan, simbol, label pembungkusan dan logo syarikat. Reka bentuk grafik dalam konteks ini bertujuan untuk mendapatkan perhatian daripada audiens dan menyampaikan sesuatu mesej yang mudah untuk diingati. Hal ini menjelaskan bahawa reka bentuk grafik yang digunakan untuk menyampaikan maklumat dapat diistilahkan sebagai ‘komunikasi visual’.

Hasil sesebuah rekaan grafik memerlukan elemen seni dan prinsip rekaan. Justeru, pengetahuan tentang elemen seni dan prinsip rekaan amat penting agar dapat membantu pereka menghasilkan rekaan yang baik. Elemen seni terdiri daripada garisan, rupa, bentuk, warna dan jalinan. Pengolahan unsur seni mengikut prinsip rekaan dalam sesebuah karya seni melahirkan gabungan yang menarik dan mempunyai maksud tersendiri. Menurut Johari Ab. Hamid (2016: 135), prinsip rekaan terbahagi kepada tujuh iaitu harmoni, keseimbangan, pergerakan, kesatuan, kepelbagaiannya, kontra dan penegasan.

Reka bentuk grafik dapat mempercepatkan penyampaian sesuatu maklumat dan memberi penerangan yang jelas. Logo merupakan sebahagian daripada reka bentuk grafik yang bertujuan untuk dikenal pasti oleh audiens. Rekaan logo juga berfungsi sebagai bentuk komunikasi yang mencerminkan nilai-nilai yang ada dalam sesebuah organisasi. Dalam kajian ini, pengkaji akan memilih logo Sekolah Menengah Kebangsaan Bandaraya untuk dijadikan sampel kajian. Objektif kajian ini adalah mencirikan imej, ikon, simbol, warna dan tipografi pada logo. Pengkaji akan menginterpretasi ciri-ciri tersebut dan menganalisis keberkesanannya logo dalam menyampaikan mesej berdasarkan visi dan misi sekolah.

Komunikasi visual

Komunikasi visual adalah bidang seni yang berkaitan dengan reka bentuk grafik. Ia juga merupakan ilmu mempelajari konsep komunikasi dan ungkapan kreatif, teknik dan media untuk menyampaikan maklumat secara visual. Menurut David

Sless dalam bukunya yang berjudul *Learning and Visual Communication* (1981), komunikasi visual adalah penyampaian idea dan maklumat dalam bentuk yang dapat dilihat. Komunikasi visual mengaplikasikan elemen grafik seperti bentuk, gambar, huruf dan warna serta reka letak agar maklumat dapat diterima oleh audiens. Komunikasi visual berlaku melalui tanda-tanda, poster, simbol warna, maskot, tipografi, ilustrasi, logo, animasi dan sumber elektronik (Kenneth Louis Smit, 2005). Proses komunikasi visual melibatkan idea-idea dengan penambahan seperti gambar, diagram dan warna yang dapat memberi kesan terhadap pihak yang melihat. Hal ini menjadi salah satu pendekatan yang paling penting dan digunakan oleh orang ramai untuk berkomunikasi dan berkongsi mklumat.

Logo

Logo adalah tanda grafik yang digunakan oleh sesebuah syarikat perniagaan, pertubuhan, kelab persatuan, organisasi atau kumpulan sebagai identiti diri. Logo atau dalam perkataan asalnya ‘*logotype*’ berasal daripada perkataan Greek, ‘logo’ bermaksud perkataan dan ‘tupos’ bermaksud gambar (Quentin Newark, 2002: 120). Terdapat beberapa jenis logo yang diguna pakai oleh institusi atau organisasi. Setiap jenis logo juga mempunyai reka bentuk yang berbeza. Logo mengaplikasikan elemen seperti tipografi, gambar, ilustrasi dan banyak lagi.

Menurut Gareth Hardy dalam bukunya yang berjudul *Logo Design* (2011), logo merupakan identiti grafik yang digunakan dalam komunikasi visual. Logo ditampilkan dalam bentuk perkataan atau imej dan berfungsi untuk mewakili sesebuah institusi atau individu dengan cara yang simbolik. Logo juga digunakan untuk menyatukan individu atau institusi ke dalam bentuk visual yang difahami. Sesebuah syarikat atau perniagaan yang tidak memiliki logo akan sukar untuk memberi impak kepada sasaran audiens. Hal ini disebabkan sesebuah perniagaan memerlukan identiti yang boleh dilihat agar dapat dikenali umum. Jelas bahawa penggunaan logo dalam perniagaan membantu untuk berkomunikasi dengan khalayak sasaran. Penggunaan logo bukan hanya untuk syarikat-syarikat yang besar, malah logo ini boleh digunakan untuk mewakili perniagaan, produk, individu, syarikat dan organisasi yang tidak berasaskan keuntungan atau badan amal, dicetak pada surat khabar, majalah, televisyen, internet dan papan tanda. Secara tidak langsung, penggunaan logo dalam sesebuah organisasi membantu jenama itu sendiri untuk dikenali ramai.

David E. Carter juga menjelaskan, logo adalah identiti sesebuah organisasi yang dipaparkan dalam bentuk visual. Logo diaplikasikan bagi pelbagai kegunaan dalam sesebuah organisasi tersebut sebagai bentuk komunikasi visual. Logo

juga dikenali sebagai simbol, tanda gambar dan *trademark* yang berfungsi sebagai lambang identiti diri dan merupakan ciri-ciri khas sesebuah organisasi. Penggunaan identiti diri ini dapat memberi kesan kepada audiens untuk mengingati sesebuah syarikat atau organisasi tersebut.

Penghasilan logo yang baik merangkumi sifat sebuah syarikat tersebut (Jennifer, 1995). Syarikat besar mahupun syarikat kecil menggunakan logo untuk memperkenalkan perkhidmatan mereka. Logo mewakili tahap kualiti dan perkhidmatan tertentu. Logo juga dapat mempengaruhi persepsi audiens untuk mempercayai sesebuah syarikat atau produk tersebut. Ia merupakan elemen penting, setaraf dengan produk dalam sebuah syarikat.

Tujuan dan Fungsi Logo

Menurut David E. Carter (2003), logo mempunyai beberapa tujuan dan fungsi. Antaranya, sebagai identiti agar mudah dikenali oleh orang ramai. Logo juga bertujuan sebagai karakter sesebuah organisasi. Logo dapat memberi refleksi atau mencerminkan semangat dan cita-cita sesebuah organisasi. Imej logo yang dipaparkan dapat memberi maklumat sifat sesebuah organisasi. Selain untuk paparan kepada audiens, logo menjadi kebanggaan kepada ahli organisasi itu sendiri.

Logo dapat membantu sesebuah organisasi tersebut untuk dikenal pasti oleh audiens (John Murphy & Michael Rowe, 1998). Sesebuah organisasi yang mempunyai jasa dalam bidang tertentu juga akan mudah untuk diingati oleh orang awam melalui logo. Kebanyakan organisasi akan mengeluarkan produk yang sama, namun perkara ini dapat dibezakan menerusi paparan logo. Logo juga bertujuan untuk berkomunikasi menyampaikan mesej atau menentukan sesebuah produk itu asli. Oleh itu, pengguna atau audiens dapat menentukan dan mengetahui sesebuah produk tersebut dengan mudah. Di samping itu, logo juga merupakan aset yang bernilai. Pengeluaran produk yang diyakni pengguna di dalam mahupun di luar negara mampu memberikan reputasi yang baik kepada sesebuah organisasi.

Jenis-jenis Logo

Logo boleh didapati dalam beberapa bentuk yang berbeza sebagai contoh, gambar, tulisan dan simbol atau abstrak. Menurut Jennifer Place (1995) dalam buku beliau yang berjudul *Creating Logos & Letterheads*, menjelaskan terdapat tiga jenis asas logo. Logo yang pertama biasa digunakan ialah tipografi, manakala logo yang kedua ialah grafik yang menggunakan simbol atau bentuk-bentuk yang mewakili

syarikat tersebut. Logo yang ketiga pula ialah logo yang menggabungkan kedua-dua elemen tipografi dan simbol lalu membentuk sebuah logo yang menarik.

Setiap jenis logo mempunyai kelebihan dan kekurangan terhadap pereka grafik, produk dan organisasi tersebut. Dalam buku Gareth Hardy yang bertajuk *Logo Design the Art of Creating Visual Identities* (2011) menjelaskan beberapa jenis logo. Menurut beliau, logo terbahagi kepada lima jenis, iaitu *pictorial marks*, *abstract* atau *symbolic mark*, *emblems*, *characters* dan *typographic*. Setiap jenis logo tersebut mempunyai perbezaan atau ciri tertentu.

Pictorial Marks




Foto 1 Apple Inc



Foto 2 Driving for charity

Sumber: Gareth Hardy. (2011). *Logo design the art of creating visual identities*. United Kingdom: John Wiley & Sons. Ltd.

Pictorial mark bermula daripada garisan yang sederhana kepada ilustrasi yang terperinci. *Pictorial* menggunakan imejan *literal* sebagai pengenalan dan menjadikan audiens lebih cepat mendapat maklumat melalui imej yang sudah dikenali. Salah satu kelemahan yang ada pada *pictorial marks* ini ialah mereka sering memerlukan bantuan tipografi untuk menyampaikan mesej.

Abstract dan Symbolic Marks



Foto 3 Nike



Foto 4 Adimurti

Sumber: Gareth Hardy. (2011). *Logo design the art of creating visual identities*. United Kingdom: John Wiley & Sons. Ltd.

Tanda abstrak dan simbolik mengandungi tafsiran, konsep, idea atau kepercayaan oleh sesebuah syarikat tersebut. Proses penghasilan tanda abstrak dan simbolik memberi ruang yang tidak terbatas kepada pereka grafik untuk lebih kreatif. Tanda abstrak dan simbolik ini juga mampu menyampaikan cerita. Penghasilan tanda abstrak dan simbolik ini sering bergantung pada bentuk geometri dan direka dengan teliti.

Emblem



Foto 5 Confidently Cruising



Foto 6 Agralot

Sumber: Gareth Hardy. (2011). *Logo design the art of creating visual identities*. United Kingdom: John Wiley & Sons. Ltd.

Emblem merupakan gabungan bentuk dan nama. Ia mudah difahami melalui reka bentuk tulisan dan ilustrasi. Penggunaan logo jenis *emblem* sering digunakan pada kelab sukan dan badan organisasi. *Emblem* tidak memerlukan skala yang tepat bagi memperlihatkan bentuk yang sempurna.

Characters



Foto 7 Monopoly



Foto 8 Carlisle High School
Thundering Herd

Sumber: Gareth Hardy. (2011). *Logo design the art of creating visual identities*. United Kingdom: John Wiley & Sons. Ltd.

Logo jenis *characters* banyak digunakan oleh institusi dan kelab. Perniagaan atau syarikat yang memasukkan *characters* dalam logo mereka kelihatan lebih santai dan tidak begitu serius. Ia dapat mengingatkan kita pada masa kecil dan membawa unsur humor kerana gaya ilustrasinya seperti kartun. Secara tidak langsung, ia dapat membentuk audiens untuk mengingati logo tersebut. Penghasilan logo jenis *characters* perlu mengambil kira gaya atau sifat

sesuatu watak dan perlu dipilih dengan teliti. Contoh logo jenis *character* ialah *monopoly*, permainan papan yang dibuat oleh Parker Brothers. Parker Brothers menggunakan watak sebagai sebahagian daripada logonya.

Tipografi

Tulisan dan perkataan dapat membantu menterjemah dan menyampaikan mesej, sama seperti gambar. Logo jenis tipografi telah lama digunakan dalam sejarah reka bentuk logo. Menurut Gareth Hardy, jenis logo tipografi terbahagi kepada tiga, iaitu *wordmark*, *letterform* dan *monogram*.

Wordmark



Foto 9 Coca-Cola

Sumber: Gareth Hardy. (2011). *Logo design the art of creating visual identities*. United Kingdom: John Wiley & Sons. Ltd.

Wordmark ialah logo yang memaparkan nama sesebuah jenama syarikat dalam bentuk teks. Logo jenis ini direka berdasarkan nama jenama tersebut yang diubah suai atau tipografi yang direka bentuk semula. *Wordmark* menjadikan sesebuah logo itu asli disebabkan penggunaan nama jenama itu sendiri. Salah satu jenama tertua dan terkenal di dunia ialah Coca-Cola. Logo produk ini telah direka oleh Frank Mason Robinson pada tahun 1885. Logo Coca-Cola ini tidak berubah, sebaliknya ditambah baik untuk memastikan logo tersebut berfungsi dan dapat diaplikasikan dalam semua bentuk.

Letterform



HONDA

Foto 11 Honda

Sumber: Gareth Hardy. (2011). *Logo design the art of creating visual identities*. United Kingdom: John Wiley & Sons. Ltd.



Foto 12 The Anastasia

Logo yang menggunakan satu huruf atau nombor diklasifikasikan sebagai *letterform*. *Letterform* menggunakan huruf pertama daripada nama jenama syarikat untuk dijadikan logo. *Letterform* mempunyai ciri-ciri ikonik dan reka bentuk yang mudah. Namun, *letterform* juga boleh direka melalui bentuk-bentuk yang rumit. Di samping itu, *letterform* mudah diingati oleh audiens kerana reka bentuknya yang mudah. Bagi pereka grafik, cabaran untuk menghasilkan sebuah rekaan logo *letterform* adalah menjadikan logo tersebut unik.



Foto 13 Union House



Foto 14 The Biatomic Point

Sumber: Gareth Hardy. (2011). *Logo design the art of creating visual identities*. United Kingdom: John Wiley & Sons. Ltd.

Monogram ialah gabungan dua atau lebih karakter tipografi untuk membentuk sebuah logo. Penghasilan sesebuah logo monogram ini perlu mempunyai ciri-ciri seperti bertindih atau digabungkan menerusi beberapa cara. Logo monogram ini biasanya direka berdasarkan huruf pertama nama sesebuah syarikat, perniagaan atau organisasi. Penggunaan logo monogram ini telah digunakan beratus tahun yang lalu. Penggunaan monogram boleh dilihat pada duit syiling untuk menunjukkan negara pengeluar duit syiling tersebut.

Teori Ikonografi Panofsky

Pengkaji akan menganalisis imej-imej dalam logo yang telah dipilih menggunakan pendekatan teori ikonografi Panofsky. Ikonografi ialah cabang dari sejarah seni yang melibatkan hal benda dan makna sesebuah karya seni (Erwin Panofsky, 1972: 26). Teori ikonografi diperincikan melalui tiga tahap penilaian, iaitu deskripsi pra ikonografi, analisis ikonografi dan interpretasi ikonologikal. Penerangan terhadap setiap tahap adalah seperti berikut:

a. Deskripsi Praikonografi

Tahap pertama bertujuan menganalisis atau mendeskripsikan ciri-ciri visual yang dapat dilihat. Pada tahap pertama, Erwin Panofsky (1972) menjelaskan makna *primary* atau *natural subjek matter*. Tahap ini melihat elemen formalistic, iaitu unsur seni dan prinsip rekaan yang akan dikenal pasti serta dihurai. Namun, tidak

ada interpretasi yang akan dibuat pada tahap ini. Erwin Panofksy (1972) juga menjelaskan bahawa pada tahap pertama hanya berlaku pengenalpastian terhadap ‘object’ dan ‘events’. Proses ini juga dikenali sebagai ‘*factual meaning*’ dan ‘*expressional meaning*’. ‘*Factual meaning*’ adalah proses di mana pengenalpastian tentang data yang dapat dilihat melalui pengalaman. ‘*Expressional meaning*’ merupakan rasa yang lahir melalui ungkapan individu. Imej, warna dan tipografi yang telah dikenal pasti dikenali sebagai motif artistik. Pengenalpastian yang melibatkan aspek formalistik seni diistilahkan sebagai deskripsi praikonografi.

“I recognize in it a meaning which may be called secondary or conventional; it differs from the primary or natural one in that it is intelligible instead of being sensible...”

(Erwin Panofsky, 1972: 27)

Petikan di atas menjelaskan bahawa maksud pada tahap deskripsi praikonografi merujuk kepada maksud yang boleh diamati. Di samping itu, pada tahap ini rujukan yang tepat atau garis panduan yang betul adalah diperlukan. Christine Hasenmueller (1978), menyatakan deskripsi praikonografi perlu mempunyai pengetahuan tentang objek dan kejadian yang ditampilkan dalam motif artistik. Hal ini dikatakan sebagai ‘*history of style*’.

b. Analisis Ikonografi

Analisis ikonografi adalah tahap kedua yang melibatkan makna sekunder terhadap sesebuah karya seni visual. Makna sekunder yang merangkumi pelbagai interpretasi imej, cerita dan kiasan bertujuan membezakan antara textual dan kontekstual. Hal ini melibatkan rujukan-rujukan perpustakaan yang berlandaskan pelbagai sudut.

Pemerhatian terhadap struktur, bentuk, rupa, warna, komposisi dan pengenalpastian makna sekunder dengan melihat hubungan antara motif sesebuah seni dengan tema, konsep, atau makna lazim terhadap karya. Erwin Panofsky (1972) menjelaskan bahawa tahap kedua merupakan *secondary* atau *conventional meaning*. Hal ini dapat dijelaskan melalui pengenalpastian terhadap motif artistik yang berlandaskan pada rujukan dan ilmu. Erwin Panofsky juga menerangkan bahawa tahap kedua ini merupakan sesuatu yang boleh difahami. Ia disebut sebagai analisis ikonografi. Analisis ikonografi merupakan satu proses interpretasi yang mempunyai rujukan yang mendalam. Pengenalpastian terhadap motif artistik akan dilihat dari sudut tema dan konsep. Motif artistik yang dikaitkan dengan tema dan konsep disebut sebagai ‘*images*’. Kombinasi daripada ‘*images*’ akan menghasilkan satu penceritaan atau ‘*allegories*’. Hal ini dikenali sebagai asas

kepada analisis ikonografi. Menurut beliau lagi, ‘*image*’ dalam sesebuah karya seni maksud harus dihuraikan berlandaskan rujukan-rujukan terhadap peristiwa yang berlaku di luar karya.

c. Interpretasi ikonologikal

Interpretasi ikonologikal merupakan makna intrinsik atau kandungan nilai-nilai simbolik yang terdapat pada karya seni visual yang melibatkan pendekatan psikologi dan pengamatan terhadap perkara yang berlaku di luar karya seni visual.

Intrinsic meaning or content. It is apprehended by ascertaining those underlying principles which reveal the basic attitude of a nation, a period, a class, a religious or philosophical persuasion-qualified by one personality and condensed into one work. Needless to say, these principles are manifested by, and therefore throw light on, both “compositional methods” and “iconographical significance.”

(Erwin Panofsky, 1972: 29)

Erwin Panosky (1972) menjelaskan bahawa makna pada tahap ketiga ini merupakan makna yang paling penting. Menurut beliau, tahap ketiga adalah ‘*essential*,’ manakala dua tahap sebelumnya adalah ‘*phenomenal*’. Tahap ketiga merupakan tahap yang melibatkan makna kepada makna yang lebih mustahak. ‘*Underlying principle*’ atau makna asas terdapat pada tahap ketiga ini. Proses pada tahap ketiga ini dikenali sebagai interpretasi ikonologi. Penerangan atau huraian terhadap makna dalam proses ini menjadi cerminan di luar karya. Proses ini juga dikenali sebagai ‘*simbolical values*’. Para ilmuwan menemukan nilai-nilai simbolik tersebut dengan melalui proses ‘*synthetic intuition*.’ Analisis ikonografi juga dikenali sebagai kajian terhadap makna intrinsik dalam seni dan kemudian diistilahkan sebagai ikonologi. Interpretasi ikonografi akan melalui dua tahap sebelumnya. Hal ini bertujuan untuk mengetahui maksud sebenar sesebuah karya.

Jadual 11 Tahap Teori Ikonografi Panofsky (1972)

OBJECT OF INTERPRETATION	ACT OF INTERPRETATION
I— <i>Primary or natural</i> subject matter—(A) factual, (B) expressional—, constituting the world of artistic motifs.	<i>Pre-iconographical description</i> (and pseudo-formal analysis).
II— <i>Secondary or conventional</i> subject matter, constituting the world of <i>images, stories and allegories</i> .	<i>Iconographical analysis</i> in the narrower sense of the word.
III— <i>Intrinsic meaning or content</i> , constituting the world of ‘symbolical’ values.	<i>Iconographical interpretation</i> in a deeper sense (<i>Iconographical synthesis</i>).

Sumber: Erwin Panofsky (1972)

Jadual 12 Cara dan prinsip interpretasi karya berlandaskan Teori Ikonografi Panofsky (1972)

EQUIPMENT FOR INTERPRETATION	CONTROLLING PRINCIPLE OF INTERPRETATION
<i>Practical experience</i> (familiarity with <i>objects and events</i>).	<i>History of style</i> (insight into the manner in which, under varying historical conditions, <i>objects and events</i> were expressed by <i>forms</i>).
<i>Knowledge of literary sources</i> (familiarity with specific <i>themes and concepts</i>).	<i>History of types</i> (insight into the manner in which, under varying historical conditions, specific <i>themes or concepts</i> were expressed by <i>objects and events</i>).
<i>Synthetic intuition</i> (familiarity with the <i>essential tendencies of the human mind</i>), conditioned by personal psychology and ‘ <i>Weltanschauung</i> ’.	<i>History of cultural symptoms</i> or ‘ <i>symbols</i> ’ in general (insight into the manner in which, under varying historical conditions, <i>essential tendencies of the human mind</i> were expressed by specific <i>themes and concepts</i>).

15

HISTORY OF TRADITION

Sumber: Erwin Panofsky (1972)

Analisis Logo Sekolah Menengah Kebangsaan Bandaraya



Foto 15 Logo Sekolah Menengah Kebangsaan Bandaraya Kota Kinabalu

Sumber: Fail Sekolah Menengah Kebangsaan Bandaraya (2018)

VISI : Pendidikan Berkualiti Insan Terdidik Negara Sejahtera

MISI : Melestarikan Sistem Pendidikan yang Berkualiti untuk Membangunkan Potensi Individu bagi Memenuhi Aspirasi Negara

MOTO: Sepakat Bersama Menjana Kecemerlangan

Praikonografi

Reka bentuk logo Sekolah Menengah Kebangsaan Bandaraya menggunakan bentuk yang menyerupai perisai. Rekaan logo tersebut mengaplikasikan garisan tebal untuk membentuk imej perisai. Bentuk perisai tersebut terbahagi kepada beberapa bahagian, iaitu bahagian atas perisai dan dua bahagian bawah. Setiap bahagian tersebut terbahagi kepada beberapa garisan. Bahagian atas menggunakan garisan tebal dan lurus serta mendatar dan bahagian bawah dibahagikan dengan dua garisan tebal dan condong ke kanan [Foto 16.1 (i)]. Setiap bahagian mengandungi imej, ikon atau simbol tersendiri. Pada bahagian atas memaparkan imej buku yang menggunakan warna putih dan mempunyai teks di atasnya ‘1967.’ Imej buku tersebut berlatarbelakangkan warna primer iaitu merah [Foto 16.1 (ii)]. Bahagian kiri bentuk perisai tersebut memaparkan imej bunga raya. Imej bunga raya tersebut menggunakan warna merah dan batang bunga raya menggunakan warna hitam serta latar belakang yang berwarna kuning. Penggunaan warna-warna tersebut mewujudkan kontra [Foto 16.1 (iii)]. Simbol atom pula dipaparkan pada bahagian kanan dengan menggunakan warna putih dan berlatarbelakangkan warna

sejuk iaitu biru langit [Foto 18.1 (iv)]. Pada bahagian tengah logo mempunyai teks berwarna hitam “SMK BANDARAYA” dengan reka letaknya yang condong ke kanan dan berlatarbelakangkan warna putih [Foto 16.1 (v)]. Rekaan grafik logo sekolah ini juga menggunakan imej reben yang berwarna merah dan mempunyai teks “ILMU SULUH HIDUP” [Foto 16.1 (vi)]. Rekaan logo Sekolah Menengah Kebangsaan Bandaraya mengaplikasikan warna primer iaitu merah, biru dan kuning. Bentuk perisai tersebut adalah simetri, manakala reka letak setiap imej dalam logo tersebut tidak simetri tetapi disusun secara seimbang.







Foto 16.1 (i) Bentuk perisai dan bahagian rupa dalam bentuk perisai (ii) Imej buku dan teks (iii) imej bunga raya (iv) simbol atom (v) teks (vi) imej reben

Foto 16.1 adalah pembahagian imej, warna dan tipografi dalam logo SMK Bandaraya mengikut elemen formalistik. Rubrik analisis karya menyentuh tentang perkaitan antara imej, warna dan tipografi pula dinyatakan dalam Jadual 3 seperti berikut:

Jadual 3 Rubrik analisis logo Sekolah Menengah Kebangsaan Bandaraya

Imej	Elemen formal: (Praikonografi)	Huraian: (Ikonografi)	Makna/Mesej: (Interpretasi ikonografi)
 Buku dan Tipografi	<ul style="list-style-type: none"> - Garisan tebal dan berombak. - Tipografi jenis sans serif. 	<ul style="list-style-type: none"> - Kepingan helian kertas bertulis yang diikat menjadi satu unit. - Tahun 1967 penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandaraya Kota Kinabalu. 	<ul style="list-style-type: none"> - Alat Pendidikan yang Berkualiti agar menjadi Insan Terdidik.
 Bunga raya	<ul style="list-style-type: none"> - Diolah dan dipermudahkan. - Warna panas iaitu warna merah dan batang bunga raya menggunakan garisan tebal yang melengkung serta menggunakan warna hitam. 	<ul style="list-style-type: none"> - <i>Hibiscus rosa-sinensis</i> yang berasal dari Asia Timur. - Bunga yang besar, berwarna merah dan tidak berbau. - Di Malaysia, bunga ini dijadikan bunga kebangsaan selepas mencapai kemerdekaan. 	<ul style="list-style-type: none"> - Simbol Melestarikan Sistem Pendidikan (kebangsaan) sinonim dengan imej bunga raya sebagai bunga kebangsaan.
 Simbol Atom	<ul style="list-style-type: none"> - Garisan bujur dan disusun untuk menghasilkan simbol ‘atom.’ - Warna biru mudah digunakan pada latar dan warna putih pada simbol atom. 	<ul style="list-style-type: none"> - Zarah kecil yang boleh didapati dalam unsur kimia tanpa mengubah sifat-sifat kimianya. - Tiga jenis zarah subatom yang menentukan sifat-sifat luarnya iaitu Elektron, Proton dan Neutron. - Berkaitan dengan bidang sains. 	<ul style="list-style-type: none"> - Atom sebagai lambang kualiti pembangunan Potensi Individu, sinonim dengan atom yang sentiasa bergerak.

 <p>Imej Perisai</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Garisan tebal diintuk menghasilkan bentuk perisai. - Empat bahagian dengan menggunakan garisan mendatar pada bahagian atas dan garis lurus yang condong ke kanan. 	<ul style="list-style-type: none"> - Alat untuk melindungi diri daripada serangan musuh. - Menahan daripada serangan senjata tajam seperti tombak, anak panah ataupun pedang. - Diguna pada tangan. - Diperbuat daripada bahan-bahan logam atau bahan bukan logam. 	<ul style="list-style-type: none"> - Benteng/keteguhan Pertahanan/kesatuan.
 <p>Reben dan Tipografi</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Garisan melengkung bentuk reben. - Warna merah dan mempunyai tipografi yang berwarna putih. 	<ul style="list-style-type: none"> - Jalur panjang yang diperbuat daripada kain dan digunakan sebagai perhiasan untuk mengikat sesuatu. - Tipografi "ILMU SULUH HIDUP". 	<ul style="list-style-type: none"> - Bentuk melengkung pada reben merujuk kesepakatan iaitu bermaksud harapan atau Menjana Kecemerlangan. - Ilmu sebagai panduan untuk maju dalam kehidupan.
 <p>Tipografi</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Condong ke kanan dan berwarna hitam, latar berwarna putih. - Dua garisan atas dan bawah tipografi yang condong ke kanan. 	<ul style="list-style-type: none"> - "SMK BANDARAYA" nama bagi sekolah tersebut. 	<ul style="list-style-type: none"> - Memaparkan nama sekolah tersebut.

 <p>Warna Merah, kuning, biru, putih</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Merah pada bahagian atas bentuk perisai. - Kuning pada bahagian kiri logo. - Putih pada bahagian tengah logo. - Biru pada bahagian bawah kanan logo. 	<ul style="list-style-type: none"> - Warna panas dan membawa maksud tenaga, perang, bahaya, kekuatan, tekad yang kuat, hasrat dan cinta. - Kuning membawa maksud keceriaan, kebahagiaan, kebijaksanaan dan tenaga. - Biru muda melambangkan kesihatan, penyembuhan, kedamaian, pengetahuan dan kelembutan. - Putih dikaitkan dengan terang, kebaikan, kemurnian, kesucian dan keperawanan. Warna ini juga lambang warna kesempurnaan. 	<ul style="list-style-type: none"> - Warna-warna terang - (merah/kuning/biru). - Merah - Kesungguhan sikap, semangat padu, kekentalan azam serta kegigihan tinggi para guru dan pelajar. - Kuning - Pencapaian akademik dan kurikulum yang cemerlang. - Biru - Berdisiplin dan toleran dan budaya hidup harmoni. - Putih - Memupuk nilai-nilai murni di sekolah sebagai penjana generasi bertatasusila.
---	---	---	--

Ikonografi

Reka bentuk logo tersebut memaparkan imej, simbol dan ikon yang mempunyai maksud tersendiri. Imej buku sering dikaitkan dengan ilmu pengetahuan. Menurut *Kamus Dewan* (2007), istilah buku boleh dirujuk sebagai helaian kertas berjilid yang mempunyai tulisan dan sebagainya untuk dibaca atau mengandungi ruang kosong untuk ditulis. Buku adalah salah satu sumber ilmu yang utama kerana mempunyai kelebihan, dibandingkan dengan sumber yang lain. Buku juga dapat menyampaikan ilmu pengetahuan secara mendalam tentang isu-isu semasa seperti ekonomi, politik, sosial dan sebagainya. Buku turut dikaitkan dengan sikap, tabiat atau minat membaca. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga menyedari banyak kepentingan yang boleh diperoleh melalui budaya membaca buku. Selain itu, KPM mengadakan banyak program galakan membaca di sekolah seluruh Malaysia. Penggunaan tipografi ‘1967’ yang disusun secara bertindih pada imej buku menunjukkan nombor yang merujuk kepada tahun. Reka letak tipografi ‘1967’ tersebut dipaparkan pada bahagian atas logo. Hal ini menunjukkan bahawa

tahun tersebut adalah penting bagi sekolah tersebut. Tahun 1967 merupakan penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandaraya Kota Kinabalu yang dulunya dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Menggatal.

Imej bunga raya diletakkan pada bahagian kiri logo. Bunga raya atau nama saintifiknya, *Hibiscus rasa sinensis*. Tumbuhan ini berasal daripada keluarga *Malvaceae* dan ditanam secara meluas sebagai tumbuhan hiasan di negara beriklim tropika dan subtropika Asia Timur. Terdapat sekurang-kurangnya 250 spesies dengan pelbagai bentuk, saiz dan warna. Tumbuhan hijau berbunga ini bersifat malar dan renek dengan ketinggian yang boleh mencapai 5 hingga 8 kaki. Menurut Saiful Irwan Zubaira dan Nurul Shahreda Jaies (2014), bunga raya merupakan antara tumbuhan yang mempunyai pelbagai khasiat dan telah digunakan dalam perubatan tradisional untuk mengubati pelbagai penyakit di samping ketidakbolehupayaan kesihatan seperti demam panas. Di Malaysia, bunga raya dijadikan bunga kebangsaan. Menerusi laman rasmi MyGovernment (Jabatan Penerangan Malaysia), pada 28 Julai 1960 bekas Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah memilih bunga raya sebagai bunga kebangsaan berdasarkan keunikan bunganya yang berwarna merah yang melambangkan keteguhan politik dan ekonomi dan sifat keberanian. Bunga raya yang mempunyai lima kelopak juga melambangkan lima pecahan prinsip Rukun Negara.

Atom ialah perkara yang berkaitan dengan kajian sains. Imej atom dipaparkan di bahagian bawah kanan logo sekolah tersebut. Menurut Bernard Pullman (1998), perkataan atom berasal daripada bahasa Yunani yang bermaksud sesuatu yang tidak boleh dipecahkan lagi. Dalam bidang kimia dan fizik, atom adalah zarah kecil yang boleh didapati dalam unsur kimia tanpa mengubah sifat-sifat kimianya. Ilmu berkaitan teori atom diperkenalkan oleh John Dalton sekitar tahun 1808. Kebanyakan atom mengandungi tiga jenis zarah subatom yang menentukan sifat-sifat luarnya iaitu elektron, proton dan neutron.

Logo Sekolah Menengah Kebangsaan Bandaraya menggunakan imej yang menyerupai perisai. Perisai merupakan alat untuk melindungi diri daripada serangan musuh semasa perperangan. Perisai diperbuat daripada bahan-bahan logam atau bahan-bahan bukan logam. Pada zaman dahulu, perisai digunakan untuk menahan daripada senjata tajam seperti tombak, anak panah dan pedang. Reka bentuk sesebuah perisai adalah berbeza mengikut lokasi dan kebudayaan setempat. Penggunaan imej perisai pada logo juga digunakan pada institusi pendidikan tinggi sebagai contoh Universiti Malaysia Sabah (UMS). Menerusi laman rasmi UMS (2013), imej perisai yang digunakan melambangkan kekuatan universiti tersebut dan kesatuan daya tenaga yang berpadu.

Reben dipaparkan pada bahagian bawah logo dan mempunyai tipografi di atasnya. Reben merupakan jalur panjang yang diperbuat daripada kain dan digunakan sebagai perhiasan. Reben boleh digunakan pada rambut, pembungkus hadiah dan banyak lagi. Terdapat beberapa helai kain yang digunakan untuk membuat reben iaitu satin, organza, *sheer*, sutera, baldu dan *grosgrain*. Tipografi yang terdapat pada imej reben tersebut bertulis “ILMU SULUH HIDUP” yang bewarna putih merupakan cogan kata bagi sekolah tersebut.

Dalam setiap bahagian logo sekolah tersebut terdapat warna yang tersendiri. Warna-warna yang digunakan dalam sesebuah logo semestinya mempunyai maksud tersendiri. Menurut Mohd Johari Ab. Hamid dalam buku beliau yang bertajuk *Asas Seni Visual* (2006), warna dapat mempengaruhi kehidupan manusia dari segi personalitinya, kebudayaan dan psikologi. Reka bentuk logo Sekolah Menengah Kebangsaan Bandaraya menggunakan warna asas iaitu merah, biru dan kuning. Dalam teori warna, merah merupakan warna panas dan membawa maksud tenaga, perang, bahaya, kekuatan, tekad yang kuat, hasrat dan cinta. Warna kuning pula membawa maksud keceriaan, kebahagiaan, kebijaksanaan dan tenaga. Warna biru muda melambangkan kesihatan, penyembuhan, kedamaian, pengetahuan dan kelembutan.

Interpretasi Ikonografi

Pengkaji mendapati imej buku yang terdapat pada bahagian atas logo Sekolah Menengah Kebangsaan Bandaraya Kota Kinabalu membawa maksud ilmu pengetahuan. Buku yang diletakkan pada bahagian atas menunjukkan bahawa buku adalah perkara yang pertama dan penting sebagai alat untuk menimba pengetahuan. Imej bunga raya pula membawa maksud semangat patriotik. Kedua-dua imej tersebut adalah selaras dengan visi sekolah tersebut iaitu “Pendidikan Berkualiti Insan Terdidik Negara Sejahtera.” Imej simbol atom pula adalah simbolik kepada pengetahuan dalam ilmu sains. Ilmu sains boleh dikaitkan dengan teknologi yang semakin maju. Ilmu pengetahuan dalam pembelajaran para pelajar sekolah tersebut memberi penekanan terhadap pencapaian bidang sains dan teknologi yang terkini. Hal ini berkait rapat terhadap misi sekolah tersebut iaitu “Melestarikan Sistem Pendidikan yang Berkualiti untuk Membangunkan Potensi Individu bagi Memenuhi Aspirasi Negara.”

KESIMPULAN

Reka bentuk logo Sekolah Menengah Kebangsaan Bandaraya menggunakan logo jenis *emblems*. Penggunaan logo jenis *emblems* pada sekolah tersebut bertujuan memudahkan orang ramai untuk memahami ciri-ciri yang terdapat dalam logo, selain mencerminkan visi dan misi sekolah tersebut melalui imej, ikon, simbol, warna dan tipografi yang digunakan. Penggunaan warna dan tipografi yang sesuai dalam logo sekolah tersebut dapat memberi kesan kepada audiens untuk menarik perhatian, di samping mudah untuk menyampaikan maklumat. Oleh itu, pemilihan imej, warna dan tipografi dalam penghasilan logo sangat penting agar mesej sekolah dapat tercapai melalui pandangan visual. Melalui kajian ini, pengkaji dapat memahami lebih mendalam sesebuah logo tersebut melalui penggunaan Teori Ikonografi Panofsky. Teori tersebut dapat menjelaskan maksud melalui tiga tahap penilaian, iaitu deskripsi pra ikonografi, analisis ikonografi dan interpretasi ikonologikal.

RUJUKAN

- Bernard Pullman. (1998). *The atom in the history of human thought*. Oxford, England: Oxford University Press.
- Christine Hasenmueller. (1978). Panofsky, iconography and semiotics. *The Journal of Aesthetics and Art Criticism*, 36 (3), 289–301.
- David E. Carter. (2003). *The big book of logos*. New York City, US: Harper Design.
- David Sless. (1981). *Learning and visual communication*. New York: Croom Helm Ltd.
- Erwin Panofsky. (1955). *Meanings in the visual art: Papers in and on art history*. New York: Doubleday & Company, Inc.
- Fail Sekolah Menengah Kebangsaan Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah*. (2018).
- Gareth Hardy. (2011). *Logo design the art of creating visual identities*. United Kingdom: John Wiley & Sons. Ltd.
- Jennifer Place. (1995). *Creating logos & letterheads*. Cincinnati, Ohio: North Light Books.
- Jennifer Place. (1995). *Creating logos & letterheads*. Los Angeles, CA: North Light Books.
- John Gage. (2000). *Colour and meaning: Art, science and symbolism*. Berkeley and Los Angeles: University of California Press.
- John Murphy & Michael Rowe. (1991). *How to design trademarks and logos*. E. Galbraith Rd. Cincinnati: North Light Books.
- Kenneth Louis Smith. (2005). *Handbook of visual communication: Theory, methods and media*. London: LEA Publisher.
- Mohd. Johari Ab. Hamid. (2006). *Asas seni visual*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- MyGovement. Malaysia (Jabatan Penerangan Malaysia) (2017). Dilayari daripada <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/139?language=my>.

- Philip B. Meggs. (1992). *A history of graphic design (2nd ed.)*. New York: Van Nostrand Reinhold.
- Quentin Newark. (2002). *What is graphic design?*. Singapore: Roto Vision SA.
- Richard Hollis. (1994). *Graphic design a concise history*. London: Thames and Hudson.
- Saiful Irwan Zubairi & Nurul Shahreda Jaies. (2014). Daun hibiscus rosa sinensis: Analisis proksimat, aktiviti antioksidan dan kandungan bahan inorganik. *The Malaysian Journal of Analytical Sciences*.
- Universiti Malaysia Sabah (UMS). Bahagian Perhubungan Korporat (2013). Dilayari dari http://www.ums.edu.my/pendaftar/Pekeliling_Pendaftar/PEKELILING%20PENDAFTAR%20TAHUN%202013/Pekeliling%20Pendaftar%20Bil%208%20Tahun%202013-3.pdf

